



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
CAWANGAN SARIKEI
No. 2-3, Lorong Jubli Mutiara 2
Jalan Bersatu
96100 SARIKEI
SARAWAK, MALAYSIA.

Tel : 084-654032, 654043
Faks : 084-652087
Laman Web : <https://sarikei.anm.gov.my>



Ruj. Kami : JANM.SRK.600-6/4/2 Jld.12(9)
Tarikh : 25 Februari 2026

Ketua – Ketua Jabatan Persekutuan
Dan Pusat Tanggungjawab (PTJ),
Bahagian Sarikei

Ketua – Ketua Jabatan Kerajaan Negeri
Dan Pusat Tanggungjawab (PTJ),
Bahagian Sarikei

Tuan/Puan,

**PENYEDIAAN KERTAS KERJA SOKONGAN BAGI PENYATA
KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN PRA-PERALIHAN
PENUTUPAN AKHIR TAHUN KEWANGAN 2025 (LEJAR AKRUAN)**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas dan surat rujukan JANM.600-2/2/4 (18) bertarikh 13 Oktober 2025 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa pengesahan baki bagi kod-kod akaun yang berkaitan hendaklah disediakan untuk tujuan penyediaan Kertas Kerja Sokongan Bagi Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Pra-Peralihan Tahun Kewangan 2025 (Akhir Tahun - Lejar Akruan) berakhir **31 Disember 2025** oleh Pejabat Perakaunan. Semua PTJ di bawah seliaan JANM Cawangan Sarikei hendaklah mengambil perhatian ke atas perkara seperti berikut :

- a) Menyediakan Pengesahan Baki bagi kod akaun berikut mengikut panduan yang disertakan bersama surat ini ;

Bil	Item Penyata Kewangan	Kod Akaun	Lampiran	Rujukan Laporan Portal
1.	Deposit	L11*	N(A), N(B)1 & N(B)2	Laporan Ringkasan Hasil/Belanja/Aset/Liabiliti/Ekuiti Laporan Kedudukan Baki Subsidiari/Laporan Terimaan Terdahulu dan Deposit di Portal iGFMAS.
2.	Terimaan Tak Ditunai	A0311101	B3	Laporan Daftar Cek Tak Laku di Portal iGFMAS

3.	Akaun Belum terima (ABT) Ongoing Recevables	A0481101	B7 & B7(A)	Laporan Invois Terperinci di Portal iGFMAS
----	---	----------	------------	--

b) Memastikan Pengesahan Baki yang perlu dikemukakan kepada JANM Cawangan Sarikei adalah lengkap dan sempurna selewat-lewatnya **16 MAC 2026 (Isnin)**. PTJ hendaklah mengemukakan **3 SET ASAL** bagi setiap lampiran yang berkaitan berserta surat iringan.

3. Setiap Pengesahan Baki yang disediakan hendaklah mematuhi format yang telah ditetapkan iaitu **mengikut PTJ DIPERTANGGUNG** dan **disahkan serta ditandatangani oleh Ketua Jabatan** tuan/puan. Format Pengesahan Baki ini boleh dimuat turun melalui portal Jabatan Akauntan Negara Malaysia Cawangan Sarikei. Dilampirkan bersama format Lampiran, Senarai 1 dan Laporan SPLO berdasarkan Kod Pegawai Pengawal untuk rujukan dan tindakan tuan/puan:

4. Sebarang pertanyaan berhubung pengesahan baki boleh dirujuk kepada pegawai seperti berikut :

Unit / No Telefon	Nama Pegawai
Unit Akaun 084-654043 sambungan :118	i) En Lazarus ak Simeon Enchalang ii) Pn Zarifah Binti Zaidi

5. Perhatian dan kerjasama tuan/puan untuk mematuhi panduan yang ditetapkan amatlah dihargai dalam memastikan Pengesahan Baki bagi penyediaan Kertas Kerja Sokongan untuk Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Pra-Peralihan Penutupan Akhir Tahun Kewangan 2025 (Lejar Akruan) adalah lengkap dan teratur.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan”

Saya yang menjalankan amanah,

(JULIA ANAK JAPOK C.A.(M), CPA (Aust.))

Pengarah Cawangan WA10

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Cawangan Sarikei